

Negara tidak perlu terikat semua prinsip dalam UDHR

Pada 10 Disember lalu, masyarakat seluruh dunia menyambut Hari Hak Asasi Manusia. Ia bagi memperingati detik yang mana pada tahun 1948 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mula menerima pakai Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR).

Pada tahun ini tema yang dipilih untuk hari terbabit ialah 'Hak Asasi Manusia 365' dengan iltizam mempertahankan serta memperkukuhkan hak asasi setiap manusia pada setiap hari serta sepanjang masa.

Sejajar dengan sambutan pada kali ini, Malaysia seperti yang semua sedia maklum telah berjaya menduduki kerusi Majlis Keselamatan PBB bagi tempoh sesi 2015-2016 pada bulan Oktober yang lalu. Kejayaan Malaysia menduduki kerusi berkenaan membuktikan negara kita telah mendapat penghormatan serta

pengiktirafan tinggi daripada masyarakat antarabangsa.

Jika dilihat daripada proses pengundian, Malaysia memperoleh majoriti undi agak besar dengan meraih 187 undi daripada 192 negara. Ia membuktikan banyak negara memberi kepercayaan penuh kepada Malaysia untuk menduduki kerusi yang menjadi rebutan banyak negara bagi memperjuangkan serta mempertahankan isu-isu antarabangsa yang banyak meliputi isu kemanusiaan sejagat.

Selesai isu hak asasi manusia, konflik

Dengan terpilihnya Malaysia menganggotai Ahli Majlis Tidak Tetap Majlis Keselamatan PBB, pelbagai usaha penting boleh diambil negara ini bagi terus menjamin keselamatan global dan menyelesaikan pelbagai isu hak asasi kemanusiaan ataupun konflik yang sedang berlaku seperti

masalah perang saudara yang berlarutan berlaku di Wilayah Timur Ukraine, konflik kemanusiaan berpanjangan antara penduduk Palestin dan rejim Israel, peperangan yang sedang berlaku oleh puak pemisah di sesetengah negara dan terkini ancaman serius dihadapi daripada kumpulan penganas seperti Al-Qaeda di Afghanistan serta puak Militan Negara Islam (IS).

Malaysia juga dilihat akan memainkan peranan lebih besar apabila mengambil alih jawatan pengerusi ASEAN pada tahun depan. Pelbagai isu membabitkan hak asasi manusia serantau perlu diberi fokus serta diselesaikan oleh Malaysia melalui kerjasama dengan negara anggota ASEAN seperti isu penindasan golongan minoriti Islam yang sedang berlaku di Myanmar serta isu ancaman golongan puak militan yang mula menular ke negara Asia Tenggara serta mula memberi ancaman kepada hak kebebasan dan asasi manusia di rantau ini.

Selain daripada perlu mempertahankan prinsip hak asasi manusia pada peringkat antarabangsa dan serantau, Malaysia juga

dilihat pada tahun akan datang akan menghadapi detik getir untuk terus mempertahankan isu hak asasi manusia dalam negara.

Seperti yang sedia maklum, terdapat beberapa pihak pada masa kini ingin mengambil peluang untuk menjayakan cita-cita peribadi dengan berselindung di sebalik tirai hak asasi manusia sejagat untuk melaksanakan agenda yang jelas bertentangan dengan nilai budaya serta agama.

Pihak terbabit sering menggunakan UDHR sebagai rujukan utama untuk menjayakan cita-cita mereka yang jelas bertentangan dengan prinsip dan tatacara hidup serta undang-undang Malaysia. Namun, adalah penting untuk kita ketahui, Malaysia tidak perlu terikat secara mutlak untuk menerima pakai semua prinsip yang ada dalam perisytiharan itu.

Sudah terdapat banyak kes di mahkamah dalam negara kita yang jelas menyatakan mengenai hal ini. Di samping itu, hampir semua isu hak asasi manusia yang utama yang termaktub dalam UDHR sudah pun ada dalam

Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Peruntukan UDHR tak selaras Perlembagaan negara

Perlembagaan Persekutuan Malaysia adalah undang-undang utama dan yang tertinggi di Malaysia, mana-mana undang-undang yang dilihat bercanggah dengannya adalah tidak sah dan terbatal. Peruntukan UDHR yang tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan juga tidak perlu dijadikan sebagai sebahagian daripada undang-undang domestik.

Walaupun, semua manusia perlu sanjungi serta memelihara hak asasi manusia, tetapi perlu diingatkan tidak wujud kebebasan secara mutlak dan tidak ada hak tanpa tanggungjawab untuk semua golongan manusia. Bagi umat Islam pula, segala hak dan tanggungjawab seseorang manusia itu hendaklah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan Allah SWT.

Dr Muzaffar Syah Mallow,

Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)